

# PSP ringan kos sara hidup

Subsidi RM2.2b  
manfaatkan  
kira-kira lapan  
juta pemandu

**Kuala Lumpur:** Program Subsidi Petrol (PSP) akan dilancarkan Januari depan, membabitkan peruntukan RM2.2 bilion untuk dua kategori penerima, sejajar usaha kerajaan meringankan kos sara hidup rakyat.

Skim berkenaan dijangka me-

manfaat kira-kira lapan juta pemandu.

Kategori pertama membabitkan penerima program Skim Bantuan Sara Hidup (BSH) yang layak dengan subsidi RM30 sebulan diberi untuk pemilik kereta atau RM12 sebulan untuk motosikal.

Subsidi diberi dalam bentuk pemindahan tunai dan dikreditkan terus ke akaun bank penerima setiap empat bulan.

Pembayaran pertama akan dibuat pada April 2020 bagi tempoh Januari hingga April tahun depan.

Kategori kedua membabitkan semua pemandu lain yang layak

dan bukan penerima BSH.

Mereka akan mendapat Kad95 yang membolehkan penerima menikmati subsidi petrol 30 sen sebulan, terhad kepada 100 liter sebulan bagi kereta atau 40 liter sebulan bagi motosikal.

Kad95 akan dilaksanakan secara berperingkat pada suku pertama tahun depan.

Pemberian PSP tertakluk kepada kenderaan yang memenuhi syarat iaitu kereta dengan kapasiti enjin 1,600cc dan ke bawah atau kereta dengan kapasiti enjin melebihi 1600cc berusia lebih 10 tahun.

Bagi motosikal, syarat ditetapkan

kan adalah kapasiti enjin sehingga 150cc dan ke bawah atau motosikal dengan kapasiti enjin melebihi 150cc yang berusia lebih tujuh tahun.

Kenderaan mewah tidak layak menikmati subsidi bersasar ini.

Sementara itu, pemandu kenderaan di Sabah dan Sarawak akan terus menikmati siling harga petrol bersubsidi pada RM2.08 untuk RON95 dan RM2.18 untuk diesel.

Bagaimanapun, kerajaan sedia menerima permintaan pentadbiran di Sabah dan Sarawak jika mahu menyertai PSP.



**Pelaksanaan  
PSP menyeluruh  
kerana pengendalian  
Kad95 turut memanfaatkan  
pemandu lain.**

**Wan Azwan Amin  
Wan Fakhruddin,  
Pegawai syarikat swasta**